

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 January 2016



NAJIB TUN RAZAK berbincang dengan Putera Mish'al Abd Majid ketika tiba di Jeddah, kelmarin.

Najib adakan lawatan kerja ke Arab Saudi

um - 3/1/2016

KUALA LUMPUR 2 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kini berada di Arab Saudi untuk lawatan kerja selama tiga hari.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan memberitahu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan para pelajar dan golongan profesional Malaysia di Jeddah dan Mekah pada hari ini.

Kata kenyataan itu, Perdana Menteri turut dijadualkan menaikan umrah selepas solat Maghrib malam ini.

"Perdana Menteri akan bertolak ke Madinah esok. Selain mengunjungi Masjid Nabawi, beliau juga menghadiri jamuan makan

tengah hari bersama dengan pelajar dan golongan profesional Malaysia di Holiday Villa Hotel Madinah.

"Ketika di Madinah juga, Perdana Menteri dijadualkan bertolak ke Knowledge Economic City dan Dar Al-Madinah Urban and Built Heritage Museum," kata kenyataan yang disiarkan menerusi laman sosial Facebook milik Pejabat Perdana Menteri.

Perdana Menteri tiba di Jeddah semalam dan disambut oleh Gabenor Jeddah, Putera Mish'al Abd Majid; Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi; Zainol Rahim Zainuddin dan pegawai-pegawai kanan kerajaan Malaysia.



MBSB
Pembaya Kawasani Arab

	SUBUH	SYURUK	ZUHR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.57	7.17	1.19	4.42	7.15	8.30
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	6.06	7.26	1.25	4.47	7.18	8.33
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.51	7.14	1.14	4.37	7.12	8.26
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.46	7.08	1.11	4.35	7.11	8.25
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.21	6.44	12.46	4.10	6.46	8.00